

25 MAR 2001

Mahathir-Taman

PM MINTA MEDIA KETENGAHKAN TEMPAT MENARIK

KOTA KINABALU, 25 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap lebih banyak publisiti dibuat bagi mengetengahkan tempat-tempat berpotensi untuk menjadi destinasi pelancongan yang popular.

Katanya media cetak mahupun media elektronik di negara ini patut memainkan peranan dalam mempromosikan tempat-tempat menarik untuk pengetahuan orang ramai.

Sambil merujuk kepada Taman Pertanian Sabah di daerah Tenom yang beliau rasmikan pagi tadi, Perdana Menteri berkata taman itu tidak mendapat perhatian yang secukupnya dari pihak media.

"Ia merupakan satu daripada taman yang amat mengagumkan di dunia yang pernah saya lihat tetapi saya berasa dukacita kerana orang Malaysia sendiri tidak memberi perhatian," katanya kepada pemberita selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah di sini.

Dr Mahathir berkata publisiti yang meluas mengenai tempat-tempat menarik seumpama taman itu akan dapat mendorong lebih ramai pelancong untuk ke Sabah di samping membantu membangunkan industri pelancongan negara.

Taman Pertanian Sabah yang terletak 15km dari daerah Tenom, berkonsepkan penerokaan ilmu berorientasikan khazanah sumber asli yang diwujudkan sebagai satu aktiviti bersepadu semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan Sabah.

Ianya mula dibangunkan pada tahun 1995 dan sebahagiannya telah mula dibuka kepada pelawat pada Oktober tahun 2000.

Taman itu mengandungi antara lainnya tasik rekreasi, pelbagai rekaan lanskap, bunga-bunga hiasan, muzium tanaman, pusat pemuliharaan orkid, taman haiwan dan pusat lebah.

-- BERNAMA

HAK MAI